

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS**

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membangunkan industri biodiesel berasaskan kelapa sawit.

JAWAPAN

Pada ketika ini, program B10 di sektor pengangkutan telah dilaksanakan secara mandatori bermula 1 Februari 2019 dan dijangka akan meningkatkan penggunaan minyak sawit mentah (CPO) kepada 534,000 tan setahun berbanding sebanyak penggunaan CPO sebanyak 380,000 tan setahun dibawah program B7. Manakala Program B7 di sektor industri pula telah dilaksanakan secara mandatori bermula 1 Julai 2019 dan dijangka akan meningkatkan penggunaan minyak sawit mentah sebanyak 227,000 tan setahun.

Kementerian ini juga bercadang untuk mempertingkatkan Program B10 kepada Program B20 di sektor pengangkutan pada tahun 2020 yang dijangka akan meningkatkan penggunaan minyak sawit mentah kepada 1,295,000 tan setahun. Selain itu, Kementerian sedang merangka pelaksanaan program B100 melibatkan bas-bas di bawah seliaan Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan termasuk bas perantaraan MRT Corp yang dijangka akan menggunakan sebanyak 48 juta liter minyak biodiesel setahun.

Sekian, terima Kasih.